

Pengurus kedai runcit miliki alat timbang tidak ditentusahkan didenda RM3,000

Published on: Wednesday, June 17, 2020

By: Cynthia D Baga

KOTA KINABALU: Seorang pengurus kedai runcit didenda RM3,000 atau enam bulan penjara jika gagal membayar denda itu kerana memiliki alat timbang yang tidak ditentusahkan.

Fayaz Khan, 28, mengaku bersalah di hadapan Majistret Lovely Natasha Charles, selepas pertuduhan dibacakan kepadanya.

Dia didapati memiliki alat tempatan itu untuk kegunaan perniagaan dengan maksimum 10kg, jam 10.45 pagi pada 30 Mei, 2018 di Islam Enterprise, Jalan Ikan Juara, Saadong Jaya, Karamunsing.

Pertuduhan menyatakan alat timbang itu tidak ditentusahkan selepas tamat tempoh pada 16 Januari, 2014.

Pertuduhan di bawah Seksyen Akta Timbang dan Sukan 1972 itu memperuntukkan hukuman denda sehingga RM40,000 atau penjara sehingga tiga tahun dan alat timbang atau sukat boleh dirampas.

Semasa mitigasi, Fayaz yang tidak diwakili merayu hukuman ringan dengan mengatakan kedai itu milik bapanya yang ketika ini berada di Pakistan.

Fayaz turut memaklumkan mahkamah bahawa dia sudah berkahwin dan perlu menyara tiga anaknya. Bagaimanapun, Pegawai Pendakwa Malinus Tamping dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggesa mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal bukan saja sebagai pengajaran kepada Fayaz tetapi juga kepada peniaga lain agar tidak melakukan kesalahan sama.

Malinus berkata kesalahan itu boleh menyebabkan kerugian kepada pembeli akibat alat timbang atau ukur yang tidak ditentusahkan.

Beliau juga berkata, kedai itu kepunyaan bapa Fayaz, bagaimanapun semasa ditahan, Fayaz adalah orang yang menguruskan kedai berkenaan.

Mahkamah memerintahkan barang bukti dilupuskan oleh pegawai siasatan.

<http://www.dailyexpress.com.my/news/154398/pengurus-kedai-runcit-miliki-alat-timbang-tidak-ditentusahkan-didenda-rm3-000/>

[http://www.dailyexpress.com.my/news/154391/manager-fined-rm3-000-over-calibrated-weighing-scale/\(Edisi English\)](http://www.dailyexpress.com.my/news/154391/manager-fined-rm3-000-over-calibrated-weighing-scale/(Edisi English))